

27 NOV 1997

Musa-NEAC

NEAC HARUS TAWAR PAKEJ YANG KOMPREHENSIF, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Bekas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa Hitam berharap Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) akan mengkaji dengan serius masalah yang dihadapi Malaysia dan merangka satu pakej yang komprehensif untuk mengatasinya.

"Apa yang tidak diperlukan ialah apa yang saya namakan +mencuit+ atau menawarkan penyelesaian secara sedikit demi sedikit...ia bukan sahaja tidak baik dari segi (mahu mengembalikan) keyakinan rakyat dan masyarakat peniaga tetapi sesuatu yang mengelirukan," katanya.

"Oleh itu saya berharap pembentukan majlis itu akan memberikan pakej yang komprehensif -- ini masalahnya, begini cara untuk mengatasinya, begini cara yang akan dilakukan oleh kerajaan."

Musa bercakap dengan pemberita selepas merasmikan Kongres Asean mengenai Dasar-dasar dan Undang-undang Media di sebuah hotel di sini hari ini.

Penubuhan NEAC diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas satu mesyuarat khas Majlis Tertinggi UMNO pada 20 Nov dan ia diterima oleh Dewan Tertinggi Barisan Nasional pada hari berikutnya.

Menurut Dr Mahathir, majlis itu, yang akan ditubuhkan pada bulan depan, akan diberi kuasa oleh Kabinet untuk membuat keputusan berhubung ekonomi negara tetapi ia masih perlu mengemukakan laporan kepada Kabinet dari semasa ke semasa.

Musa, yang juga Wakil Khas Perdana Menteri ke Kumpulan Bertindak Menteri Komanwel dan Ketua Perwakilan Malaysia ke Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Asasi Manusia, berkata beliau percaya satu pakej yang komprehensif dapat membantu mengatasi masalah itu.

"Kenyataan tidak dapat membantu, maaflah jika saya kata begitu, kenyataan oleh seorang tokoh yang berpengaruh juga nampaknya tidak dapat membantu, kerana masyarakat peniaga dan rakyat Malaysia secara keseluruhan, yang mempunyai kepentingan dalam perniagaan di negara ini, kini tidak boleh bertolak ansur kerana ia melibatkan wang mereka.

"Apa juga yang diperkatakan, mereka tahu situasi sebenar dan mereka sangat berhati-hati kerana mereka berwaspada apabila sudah terkena," kata Musa.

Beliau berkata tokoh-tokoh yang mampu menawarkan formula yang objektif dan membina untuk membantu mengatasi masalah ekonomi harus dijemput menganggotai NEAC.

"Saya tidak bercakap mengenai diri saya sendiri...Saya tidak berminat...jangan kata Musa sedang cuba menonjolkan dirinya. Tetapi banyak tokoh berkaliber di negara ini, mereka yang tidak mempunyai kepentingan apa-apa, yang boleh menganggotainya dan memberi nasihat yang sewajarnya," katanya.

Musa berkata penubuhan NEAC adalah satu petanda bahawa kerajaan sedang berusaha untuk mengurangkan apa yang beliau sifatkan sebagai "faktor penyangkal."

Beliau berkata "faktor penyangkal", yang beliau menjelaskan sebagai "menafikan secara berterusan bahawa ada sesuatu yang tidak kena dengan kita dan kita sebagai penyebabnya" sudah berleluasa di Asia Tenggara.

Musa juga berharap tindakan kerajaan dalam menangani masalah ekonomi itu akan selaras dengan tanggapan popular di Malaysia dan Asia bahawa kepentingan masyarakat harus mendahului kepentingan individu.

Ketika ditanya pendapatnya mengenai serangan media Barat terhadap Dr

Mahathir sejak kebelakangan ini, Musa berkata kritikan terhadap Dr Mahathir oleh media bukan satu perkara baru dan rakyat Malaysia tidak harus memberi perhatian sangat atau terlalu memikirkannya.

Apa yang harus dilakukan oleh Malaysia adalah untuk memberi tumpuan terhadap kelemahannya dan cuba memperbetulkannya, dan seterusnya mengurangkan peluang bagi media Barat untuk mengkritik negara ini, katanya.

-- BERNAMA

AFY SJ AKD